17.5 Apabila pada pendapat Pegawai Penguasa, Kontraktor telah membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain yang dikehendaki diperbaikinya di bawah subfasal (a) atau )b) atau kedua-duanya, Pegawai Penguasa hendaklah mengeluarkan satu perakuan bagi maksud itu, dan tarikh yang disebut dalam perakuan itu hendaklah tarikh Kontraktor siap membaiki kecacatan, ketidaksempurnaan, kekecutan atau apa-apa jua kerosakan lain itu. Perakuan tersebut disebut "Perakuan Siap Membaiki Kecacatan".

## **18. GAMBAR PROJEK**

Kontraktor hendaklah menyediakan gambar projek sebelum, selepas dan kos untuk gambar tersebut adalah di bawah tanggungan Kontraktor. Gambar hendaklah disediakan dalam bentuk hard copy di dalam 2 set dan soft copy di dalam Pendrive 32GB format JPEG-IMEG.

## **19. BUKU HARIAN TAPAK**

Buku Harian Tapak Bina perlu dikemaskini dari semasa ke semasa dan perlu ditandatangani oleh Pegawai yang menjaga tapak dan pihak Kontraktor sebagai salah satu langkah pemantauan.

Segala arahan atau perubahan kerja perlu dicatatkan di dalam buku harian tapak bina dan ianya akan menjadi rujukan atau dokumen sokongan sekiranya berlaku apa-apa masalah bagi sesuatu projek.

## **20. PERATURAN MEMBAYAR SELEPAS SIAP**

Bayaran sepenuhnya hanya akan dibayar setelah Kontraktor menyiapkan Kerja dengan sepenuhnya dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan. Kontraktor juga hendaklah mengembalikan Borang Perjanjian Inden Kerja dan Borang Pengesahan Penyiapan Inden Kerja kepada Pegawai Penguasa.

## **21. WANG PERUNTUKAN SEMENTARA**

Istilah "Wang Peruntukan Sementara" yang terdapat dalam Senarai Kuantiti hendaklah bererti sejumlah wang yang diperuntukkan bagi kerja atau bagi bekalan barang-barang atau bahan yang sama sekali tidak boleh diramal, ditetapkan atau diuraikan semasa dokumen sebutharga dikeluarkan dan jumlah wang itu boleh dibayar dan dibelanjakan pada bila-bila masa dan sebanyak apa-apa amaun bagi faedah mana-mana orang sebagaimana diarahkan oleh Pegawai Penguasa. Jumlah wang itu jika tidak digunakan samada sepenuhnya atau sebahagiannya hendaklah, setakat amaun yang tidak digunakan itu, ditolak dari Jumlah Harga Kontrak. Pada masa penyelesaian akaun-akuan, nilai kerja yang dilaksanakan oleh Kontraktor tersebut hendaklah diimbangi dengan semua Wang Peruntukan



Sementara dan bakinya hendaklah ditambah kepada atau dipotong dari jumlah Harga Kontrak, mengikut mana yang berkenaan.

## **22. PENYIAPAN KERJA**

Kontraktor hendaklah menyiapkan kesemua Kerja pada atau sebelum "Tarikh Siap" yang dinyatakan dalam Lampiran atau suatu tempoh lanjutan sebagaimana dibenarkan di bawah Fasal 23 syarat-syarat ini.

Apabila kesemua Kerja itu telah mencapai penyiapan yang praktikal mengikut peruntukan-peruntukan Kontrak ini dan memuaskan hati Pegawai Penguasa, maka tarikh siap itu hendaklah diperakui olehnya dan tarikh itu hendaklah dikira sebagai tarikh bermulanya Tempoh Liabiliti Kecacatan sebagaimana diperuntukkan dalam Fasal 17 Syarat-syarat ini. Perakuan yang dikeluarkan di bawah subfasal ini hendaklah disebut "Perakuan Siap Kerja".

## **23. GANTI RUGI KERANA TAKSIAP**

Jika Kontraktor tidak menyiapkan Kerja pada "Tarikh Siap" yang dinyatakan dalam Lampiran atau dalam sesuatu masa lanjutan di bawah Fasal 23, Syarat-syarat ini dan Pegawai Penguasa memperakui secara bertulis bahawa pada pendapatnya Kerja tersebut dengan munasabahnyanya sepatutnya telah siap, Kontraktor hendaklah membayar atau memberikan kepada Kerajaan suatu jumlah wang yang dikira mengikut kadar yang dinyatakan dalam fasal 15 Syarat-syarat ini sebagai Ganti Rugi Tertentu dan Ganti Rugi Ditetapkan selama tempoh Kerja tersebut terus berkeadaan begitu dan taksiap dan Pegawai Penguasa boleh memotong ganti rugi itu dari apa-apa wang yang kena dibayar kepada Kontraktor. Perakuan yang dikeluarkan di bawah Syarat ini hendaklah disebut "Perakuan Kerja Tidak Siap".

## **24. KELAMBATAN DAN LANJUTAN MASA**

Apabila didapati dengan munasabahnyanya jelas bahawa kemajuan Kerja terlambat, Kontraktor hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis menyatakan sebab-sebab kelambatan kepada Pegawai Penguasa dan jika pada pendapat Pegawai Penguasa penyiapan kerja itu mungkin dilambatkan atau telah terlambat melebihi Tarikh Siap yang dinyatakan dalam Lampiran atau melebihi mana-mana Tarikh Siap Lanjutan yang ditetapkan dahulunya di bawah Syarat ini. Maka Pegawai Penguasa hendaklah, sebaik sahaja dia dapat menganggarkan berapa lama kelambatan itu melewati tarikh atau mana yang tersebut itu, memberi secara bertulis suatu lanjutan masa yang adil dan berpatutan untuk menyiapkan Kerja, dengan syarat sentiasanya bahawa Kontraktor hendaklah sentiasa berusaha sedaya-upaya untuk mengelakkan kelambatan dan hendaklah membuat apa-apa sahaja yang dikehendaki dengan munasabahnyanya sehingga memuaskan hati Pegawai Penguasa untuk meneruskan Kerja. Perakuan yang dikeluarkan oleh Pegawai Penguasa di bawah Syarat ini hendaklah disebut "Perakuan Kelambatan dan Lanjutan Masa".

**25. KEROSAKAN KEPADA HARTA BENDA**

Kontraktor hendaklah bertanggungjawab di atas sebarang kerosakan yang disebabkan oleh alat-alat, mesin-mesin, lori-lori atau pekerja-pekerja ke atas mana-mana harta, peralatan kepunyaan Kerajaan dan sebagainya. Kerja menyelenggara dan membaiki kerosakan-kerosakan itu hendaklah mengikut sepertimana yang diluluskan oleh Pegawai Penguasa atau sebaliknya dan hendaklah menanggung kos pembaikan tersebut.

**26. PENYELIA / PENGAWAS KERJA**

Kontraktor hendaklah mengadakan dengan melantik secara rasmi seorang penyelia kerja di tapak setiap masa bekerja. Ini adalah bagi memudahkan Pegawai Penguasa memberi arahan ataupun teguran berhubung dengan mutu kerja dan lain-lain arahan yang berkaitan.

**27. KEBERSIHAN DAN KESELAMATAN TAPAK KERJA**

Tapak kerja hendaklah sentiasa berada dalam keadaan bersih pada setiap masa. Semua bahan/barang buangan hendaklah terus dibuang atau dibawa keluar dari tapak. Tidak dibenarkan membuat longgokan atau gangguan kepada laluan orang awam.

Langkah-langkah keselamatan termasuk menyediakan papan tanda petunjuk/amaran hendaklah sentiasa diadakan bagi mencegah apa-apa kemalangan yang mungkin berlaku dan membahayakan orang awam.

**28. KAWALAN DAN PAPAN TANDA LALULINTAS**

Sekiranya perlu, kawalan dan papan tanda lalulintas yang bersesuaian hendaklah disediakan oleh Kontraktor semasa menjalankan kerja-kerja yang memerlukan penutupan jalan sebahagian atau sepenuhnya demi untuk keselamatan awam.

Kelulusan perlu diperolehi terlebih dahulu oleh Kontraktor daripada Pegawai Penguasa / pihak yang berkenaan sebelum penutupan jalan terlibat dibuat.

**29. KERJA-KERJA PEMBUANGAN SAMPAH**

Semua urusan dan kos pembuangan sampah/bahan buangan dari tapak bina ke tempat pembuangan sampah yang dibenarkan adalah ditanggung oleh Kontraktor.



**30. KERJA-KERJA PEMBUANGAN SAMPAH**

1. Pihak Majlis tidak bertanggungjawab diatas segala kesalahan yang dikenakan terhadap kontraktor yang dikeluarkan oleh agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Perhutanan , Polis , Kastam , Imigrasen dan sebagainya.
2. Pihak kontraktor diminta untuk mengemukakan sebarang bukti ( surat kebenaran pembuangan atau resit bayaran kawasan buangan ) yang telah dipersetujui kontraktor dengan pihak tuan tanah.
3. Sebarang aduan atau laporan yang diterima selepas kerja-kerja dilaksanakan, pihak Majlis berhak mengenakan penalti di mana jumlahnya akan ditentukan kemudian

**31. PENYERAHAN BIL/TUNTUTAN OLEH PEMBEKAL/KONTRAKTOR**

Pembekal/Kontraktor diberi peringatan supaya mengemukakan bil/tuntutan yang lengkap dalam tempoh 14 hari daripada tarikh bekalan atau perkhidmatan dibekalkan atau kerja disempurnakan untuk membolehkan bayaran dibuat dengan segera. Kerajaan tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan pembayaran kepada pembekal/kontraktor jika bil/tuntutan tidak dihantar dengan segera dalam tempoh 14 hari.



## **LAMPIRAN A7**

### **BORANG A SURAT PENGAKUAN KEBENARAN MAKLUMAT DAN KESAHIHAN DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIKEMUKAKAN OLEH PENYEBUT HARGA**

Nama Kontraktor : .....

Alamat : .....

.....

.....

Kepada,

**Yang Dipertua**

**Majlis Daerah Tampin**

**73000 Tampin, Negeri Sembilan**

**(Pihak yang akan menilai sebut harga)**

Tuan,

#### **Maklumat Latar Belakang Kewangan Dan Teknikal Penyebut Harga**

1. Kami telah membaca dan teliti semua arahan-arahan yang terkandung dalam Arahan Kepada Penyebut Harga termasuk yang menghendakkan kami mengemukakan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen mengenai pekara diatas bersama-sama dokumen sebutharga kami semasa mengemukakan sebutharga ini untuk membolehkan MDT menilai keupayaan kami untuk melaksanakan kerja yang disebutharga,semasa penilaian sebutharga.
2. Kami faham dan mengambil maklumat bahawa penilaian Sebutharga ini akan mengambil kira dan mementingkan keupayaan kami melaksanakan kerja yang disebutharga. Justeru itu, Sebutharga kami akan hanya dipertimbang untuk diperlakukan kepada Lembaga Sebutharga untuk disetuju terima sekiranya kami mendapati keupayaan untuk melaksanakan projek yang disebutharga,mengikut penilaian MDT berasaskan maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami kemukakan.
3. Kami juga mengambil maklum bahawa kami dikehendaki mengemukakan semua maklumat dan dokumen-dokumen yang diminta bersama-sama sebutharga kami sebelum sebutharga ditutup dan maklumat-maklumat atau dokumen-dokumen yang dikemukakan kemudian daripada itu tidak akan diterima untuk diambil kira dalam penilaian keupayaan kami.
4. Kamu mengaku bahawa maklumat-maklumat dan data-data yang kami berikan bersama-sama ini di borang dan dokumen-dokumen yang kami sertakan bersamanya setahu kami adalah semuanya benar dan sah pada semua segi dan kami telah mengambil maklum dan sedar akan tindakan yang boleh diambil oleh Kerajaan terhadap kami dan atau sebutharga kami,sekiranya mana-mana maklumat,data-data dan dokumen yang kami berikan itu didapati tidak benar atau palsu.



5. Kami juga mengambil maklum dan sedar Sebutharga kami akan ditolak (disqualified) dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya maklumat-maklumat yang kami berikan tidak mencukupi atau sekiranya kami gagal untuk mana-mana dokumen yang penting yang sangat diperlukan untuk membolehkan MDT menilai keupayaan kami,terutamanya dokumen-dokumen berhubung dengan kedudukan kewangan dan prestasi kerja semasa kami seperti berikut:

(1) Salinan Pernyata Bulanan Akaun Bank mengenai Wang Dalam Tangan Penyebut Harga bagi tiga (3) bulan terakhir sebelum tarikh tutup Sebutharga.

\*Sekiranya diarahkan oleh Pegawai Penguasa

6. Kami dengan ini memberi kuasa kepada mana-mana pegawai Kerajaan ,jurutera-jurutera projek, bank dan institusi kewangan lain,atau mana-mana orang atau firma yang berkenaan untuk memberikan maklumat-maklumat yang kami berikan atau untuk mendapatkan maklumat tambahan.Kami mengambil maklum bahawa pihak MDT juga boleh merujuk apa-apa maklumat yang kami kemukakan dengan man-mana pihak termasuk Jabatan Hasil Dalam Negeri. Walaubagaimanapun kami tetap bertanggungjawab di atas maklumat-maklumat dan dokumen-dokumen yang kami berikan bersama-sama ini,

Yang Benar,

.....

Tarikh:.....

(Tandatangan Penyebut Harga)

Nama Penuh :.....

No Kad Pengenalan :.....

Atas Sifat :.....

Yang diberi kuasa dengan sempurna untuk menandatangani Sebutharga ini untuk dan bagi pihak :

.....

(Cop Penyebut Harga)

Tandatangan Saksi :.....

Tarikh :.....

Nama Penuh :.....

No Kad Pengenalan :.....

Pekerjaan :.....



**BORANG SEBUTHARGA  
MAJLIS DAERAH TAMPIN  
SEBUTHARGA BIL SH(N) 20/2021**

Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tampin  
73000 Tampin  
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tuan,

**Sebutharga Bil  
SH(N) 20/2021**

**CADANGAN PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN  
SRI INTAN TAMPIN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

Di bawah dan tertakluk kepada Arahan Kepada Penender, Syarat-syarat Am Sebutharga, Spesifikasi Kerja, Pelan-pelan, saya yang bertandatangan di bawah adalah dengan ini menawarkan untuk melaksana dan menyiapkan kerja-kerja tersebut bagi jumlah Wang Pukal sebanyak :-

**(Ringgit Malaysia :** \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_ **(RM** \_\_\_\_\_ **)**

2. Saya bersetuju untuk menyiapkan kerja-kerja ini dengan sempurna dalam tempoh masa \_\_\_\_\_ minggu dari tarikh akhir mula kerja seperti yang ditetapkan di bawah Fasal 2, Borang Inden Kerja.

Bertarikh : \_\_\_\_\_ 2021

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Pembekal)

\_\_\_\_\_  
(Tandatangan Saksi)

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Nama Penuh : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

No. Kad Pengenalan : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_

No. Telefon : \_\_\_\_\_

Materi atau Cop Pembekal :



**MAJLIS DAERAH TAMPIN**  
**(Arahan Perbandaharaan Bil. 170)**

Sebutharga/tawaran bagi membekal  
membekal barang-barang/kerja-kerja  
**CADANGAN PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG  
DI TAMAN SRI INTAN TAMPIN  
DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

Bila menjawab sila sebutkan bilangan ini  
Sebutharga **SH(N) 20/2021**  
Jemputan sebutharga oleh Majlis  
Daerah Tampin  
**Tarikh :- 23 JULAI 2021**

1. Sila sebutkan untuk membekalkan barang-barang/kerja-kerja disenaraikan di bawah ini tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
2. Cara-cara menghantar mengikut syarat-syarat dan penentuan kerja
3. Tarikh menghantar/Hendak disiapkan \_\_12\_\_ minggu
4. Bayaran **melalui PBTPay**
5. Sebutharga hendaklah sampai kepada alamat di atas pada **12 OGOS 2021 (KHAMIS)** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari** dan akan dijamin selama 90 hari kemudian
6. Sebutharga hendaklah dimasukkan kedalam sampul yang dimetrikkan bertanda **SH(N) 20/2021**
7. Harga Sebutharga:- **RM 50.00 ( Lima puluh Sahaja )**

  
( **KAMARUL AZUDIN BIN HJ BAHARUDDIN** )  
**JABATAN KEJURUTERAAN & BANGUNAN**  
**B.P YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS DAERAH TAMPIN**

| BIL                                | PERIHAL BARANG-BARANG/KERJA-KERJA<br>DAN SYARAT-SYARAT                                                                                                                                                                                                                                              | PERKARA                                        | JUMLAH (RM) |
|------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|------------------------------------------------|-------------|
| 1.                                 | Membekal pekerja mahir jentera/mesin,<br>peralatan, insuran, papan tanda dan lain-lain<br>keperluan bagi "CADANGAN<br>PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI<br>TAMAN SRI INTAN TAMPIN DAN LAIN-LAIN<br>KERJA BERKAITAN" Kesemuanya menurut syarat<br>dan spesifikasi yang ditetapkan. (Rujuk pelan) | KEHENDAK PERMULAAN                             |             |
|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | KERJA-KERJA PEMBINAAN /<br>PENYENGGARAAN       |             |
|                                    |                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | KERJA-KERJA PEMBERSIHAN TAPAK<br>(KERJA AKHIR) |             |
| JUMLAH DIBAWA KE BORANG SEBUTHARGA |                                                                                                                                                                                                                                                                                                     |                                                |             |

Ringgit Malaysia:- \_\_\_\_\_

Perniagaan, wang tunai, bayaran segera dan lain potongan harga, dan sebarang kelebihan (seperti cukai bayaran bungkusan) hendaklah ditunjukkan.

Saya/kami dengan ini menawarkan bekalan barang-barang/kerja-kerja di atas dengan harga dan cara-cara ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat tersebut dan dimuka 24 hingga 26 dilampiran.

T/Tangan Penender :- \_\_\_\_\_

Alamat/Cop Kontraktor :- \_\_\_\_\_

Tarikh :- \_\_\_\_\_

T/Tangan Saksi :- \_\_\_\_\_

Nama Penuh :- \_\_\_\_\_

No Kad Pengenalan :- \_\_\_\_\_

Alamat :- \_\_\_\_\_

(Sila lihat muka 13 hingga 23 bagi syarat-syarat Sebutharga)



## **RINGKASAN TAWARAN**

### **PROJEK : CADANGAN PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN SRI INTAN,TAMPIN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN**

Untuk keterangan kerja sepenuhnya, penyebutharga hendaklah pada spesifikasi Kerja Tambahan, Speksifikasi Kerja Am dan lukisan-lukisan seperti yang disenaraikan.

Perhatian penyebutharga kepada syarat-syarat kontrak yang telah diperbaharui di dalam Borang JKR 203 (Semakan 10/83) dimana Ringkasan Tawaran telah dijadikan sebahagian daripada kontrak. Oleh itu penyebutharga dikehendaki menghargakan tiap-tiap butiran yang terdapat di dalam ringkasan tawaran dengan cermat agar ia mencerminkan harga yang betul dan munasabah. Sebelum kontrak ditandatangani harga butiran tersebut perlu diselaraskan supaya ia menjadi "Konsisten" tetapi jumlah wang Pukal yang ditender tidak akan berubah.

Sebarang butiran kerja bersangkutan yang tidak disenaraikan tetapi terdapat didalam pelan dan spesifikasi adalah dianggap telah diambilkira dan dimasukkan ke dalam harga lain-lain butiran dan segala tuntutan bayaran tambahan dalam hal-hal ini tidak akan dilayan.



Sebarang harga yang tidak diperhargakan adalah dianggap telah dimasukkan di dalam butiran. Penyebutharga dianggap telah melawat tapak bina dan membaca syarat-syarat kontrak bersama-sama dengan pelan-pelan dan spesifikasi untuk memastikan sendiri liputan kerja yang terlibat sebelum menghargakan sebutharga kerana sebarang tuntutan bayaran tambahan berhubung dengan perkara senarai tawaran tidak akan dipertimbangkan

| Sebutharga No | SH(N) 20/2021                                                                                                                                                                                                                                                                                               |          |          |       |             |
|---------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------|----------|-------|-------------|
| Ruj. Fail     | MDT/J/S/599/794/17/2021/01                                                                                                                                                                                                                                                                                  |          |          |       |             |
| Perkara       | CADANGAN PENYELENGGARAAN JALAN DAN LONGKANG DI TAMAN SRI INTAN,TAMPIN DAN LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN                                                                                                                                                                                                         |          |          |       |             |
| BUTIRAN       | PERIHAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                     | UNIT     | KUANTITI | KADAR | JUMLAH      |
| 1             | Kerja-kerja awalan seperti menyediakan peralatan, pengangkutan jentera, tenaga pekerja mahir,papan tanda keselamatan, kon-kon keselamatan, warning tape dan sebagainya. Semua kerja-kerja hendaklah berpandukan pelan, spesifikasi dan arahan Pegawai Penguasa.                                             | Lump sum | -        | -     | RM          |
|               | Nota :<br><br>Pemborong hendaklah menyediakan insuran-insuran seperti Public Liabliiti,W.C.I dan bon pelaksanaan sebelum kerja dimulakan sebagai jaminan kepada Kerajaan.                                                                                                                                   |          |          |       |             |
| 2             | Provisional sump.<br>Mengurus kerja-kerja pemotongan serta mengalihkan kemudahan awam seperti tiang TNB, Telekom berserta kabel-kabel, yang terlibat didalam pembinaan termasuk pengalihan laluan paip air dan sebagainya serta berurusan dengan jabatan yang berkenaan dan membayar caj-caj yang dikenakan | Lump sum | -        | -     | RM 3,500.00 |
|               | <b>Jumlah di bawa ke muka surat RT/3</b>                                                                                                                                                                                                                                                                    |          |          |       | <b>RM</b>   |

RT/1

| BUTIRAN | PERIHAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                   | UNIT          | KUANTITI | KADAR | JUMLAH    |
|---------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------|-------|-----------|
|         | <b>Jumlah di bawa dari muka surat RT/2</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                |               |          |       | <b>RM</b> |
| 3       | <p><b><u>Kerja-Kerja Longkang.</u></b></p> <p>Kerja-kerja membuka dan membuang longkang pc ,tembuk batu konkrit slab dan culvert sediaada menggunakan cutter serta jentera dan membawa keluar sisa-sisa bahan dari tapak.</p> <p>Menyediakan segala peralatan keperluan dan bahan-bahan serta membekal dan memasang longkang termasuk kerja-kerja korekan pada kawasan yang ditentukan</p> <p>a. U drain 300mm x 300mm (dry weather flow) termasuk asas crusherun 150mm tebal.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Kerja-kerja tersebut termasuk memadatkan crusherun di bahu longkang dan box culvert.</li> </ul> | Meter         | 240      |       | RM        |
|         |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                           | Meter         | 240      |       | RM        |
| 4       | Kerja-kerja membina tembok penahan batu simen setebal 225mm mengikut ketinggian ditapak termasuk plaster licin dibahagian yang terdedah dan memasang 4" diameter UPVC paip sebagai weephole 5'-0" c/c.                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                    | Meter persegi | 360      |       | RM        |
| 5       | Kerja-kerja membina konkrit slab setebal 150mm termasuk pemasangan kotak bentuk, 2 lapisan tetulang BRC ,A 10 jaringan 100mm x 400mm dan konkrit gred 20(1:2:4-20mm nisbah bancuhan)                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                      | Meter persegi | 300      |       | RM        |
|         | <b>Jumlah di bawa ke muka surat RT/3</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                  |               |          |       | <b>RM</b> |

Nota : 1. Borang ringkasan tawaran sebutharga ini perlu di masukkan ke dalam peti sebutharga

| BUTIRAN | PERIHAL                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                          | UNIT          | KUANTITI | KADAR | JUMLAH    |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------|----------|-------|-----------|
|         | <b>Jumlah di bawa dari muka surat RT/2</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                       |               |          |       | <b>RM</b> |
| 6       | Kerja-kerja membina sump batu-bata berukuran 900mm x 900mm x 225mm (ukuran dalam) termasuk kerja-kerja plaster licin dibahagian yang terdedah dan lantai konkrit 100mm tebal.                                                                                                                                                                                    | Bil           | 6        |       | RM        |
| 7       | Membekal, mencurahkan, merata dan memadatkan premix setebal 50mm. Setelah dipadatkan mengandungi batu-batu berukuran 14mm (ACW) termasuk satu lapisan asas bituminous emulsion prime coat disembur pada kadar 1.4 liter/m <sup>2</sup> dengan menggunakan tayar roller, tandem roller dan paver termasuk kerja-kerja pembersihan tapak sebelum menerima turapan. | Meter persegi | 1483     |       | RM        |
| 8       | Kerja-kerja mengecat garisan bahu jalan, garisan parking dan stop line menggunakan cat dari jenis thermoplastic (putih)                                                                                                                                                                                                                                          | Meter persegi | 200      |       | RM        |
| 9       | Membekal dan memasang bonggol jalan termasuk pemasangan 4 unit papan tanda bonggol, 10 unit tranvers bar dan disudahkan dengan kerja-kerja cat bonggol menggunakan cat dari thermoplastic. (rujuk spesifikasi)                                                                                                                                                   | Bil           | 1        |       | RM        |
| 10      | Menyediakan ujian 'coring test' bagi menentukan ketebalan premix dan melantik syarikat yang disyorkan oleh pihak J.K.R.                                                                                                                                                                                                                                          | Bil           | 5        |       | RM        |
| 11      | Kerja-kerja membersihkan kawasan yang telah siap dilaksanakan termasuk membawa keluar sisa-sisa bahan binaan keluar dari tapak.                                                                                                                                                                                                                                  | Lump sum      | -        | -     | RM        |
|         | <b>Jumlah Besar</b>                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                              |               |          |       | <b>RM</b> |

Perkara : Sebelas ( 11 ) Sahaja.

Jumlah : ( Ringgit Malaysia : .....  
 .....  
 ..... Sahaja

Tempoh : ..... ( ) Minggu

Nota : 1. Borang ringkasan tawaran sebutharga ini perlu di masukkan ke dalam peti sebutharga

**Peringatan untuk diambil kira dalam tawaran:-**

1. Majlis Daerah Tampin tidak terikat dengan mana-mana Sebutharga yang terendah.
2. Majlis Daerah Tampin tidak bertanggungjawab di atas kesilapan pemborong membuat pengiraan ke atas projek yang ditawarkan
3. Perkara-perkara yang tidak tercatatit pada pelan hendaklah dirujuk dalam Ringkasan Tawaran dan begitu sebaliknya.
4. Denda RM 50.00 (sehari) bagi kontraktor kelas G1 dan RM 100.00 (sehari) bagi kontraktor kelas G2 akan dikenakan untuk kerja yang lewat siap, kecuali dengan alasan-alasan yang munasabah.
5. Majlis berhak menentukan dan meluluskan kerja pindaan untuk kesesuaian di tapak.
6. Sebutharga tertakluk kepada syarat-syarat dan spesifikasi Majlis Daerah Tampin.
7. Sebarang kerja pindaan hendaklah mendapat kelulusan Majlis Daerah Tampin.
8. Setiap sample bahan-bahan binaan seperti longkang hendaklah mendapat kelulusan MDT.
9. Sebelum kerja-kerja dimulakan, pemborong bertanggungjawab memberitahu kepada Pegawai Penguasa Majlis Daerah Tampin.
10. Menyediakan dan mencatatitkan dibuku kemajuan untuk diperiksa oleh Pegawai Penguasa Majlis Daerah Tampin.
11. Tempoh membaiki kecacatan 6 bulan ( Harga Kontrak RM 100,000.00 ke bawah) / Tempoh 1 tahun / 1 tahun ½ (Harga Kontrak RM 100,000.00 ke atas) dari tarikh siap.
12. Tempoh sah laku tawaran ialah 90 hari.
13. Pihak Majlis tidak akan menyokong bayaran sekiranya kerja-kerja yang dilaksanakan tidak memuaskan serta berkualiti.
14. Kerja-kerja yang telah siap akan disukat / ukur semula oleh Pegawai Penguasa.
15. Kod yang digunakan didalam sistem Jadual Tawaran Sebutharga :

| KOD | KETERANGAN                             |
|-----|----------------------------------------|
| C   | - Tiada Cop Syarikat                   |
| S   | - Tiada Tandatangan                    |
| T   | - Tiada Tempoh                         |
| X   | - Harga angka dan perkataan tidak sama |
| D   | - Lain-lain                            |

(Tandatangan Pemborong  
Dan Cop Syarikat)

Tarikh : \_\_\_\_\_

Di sediakan oleh :-

  
**ZAKARIA BIN SAUDI**  
Penolong Jurutera JA 29  
Jabatan Kejuruteraan & Bangunan  
Majlis Daerah Tampin

Di semak oleh :-

  
**KAMARUL AZUDIN BIN HJ. BAHARUDDIN**  
Penolong Jurutera JA 36  
Jabatan Kejuruteraan & Bangunan  
Majlis Daerah Tampin

Diluluskan oleh :-

  
**SUNAIZA BINTI SHARUDIN**  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tampin